



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1989

**PINDAAN BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT KEPADA PEGAWAI-
PEGAWAI POLIS**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan meminda kadar dan tempoh kelayakan Bayaran Pakaian Istiadat kepada Pegawai-pegawai Polis.

2. BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT

2.1 Kerajaan telah pun menyemak semula kadar dan tempoh kelayakan Bayaran Pakaian Istiadat kepada pegawai perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1989. Berikutan dengan keputusan ini, maka kadar dan tempoh kelayakan Bayaran Pakaian Istiadat kepada Pegawai-pegawai Polis adalah juga dipinda seperti berikut:

- (a) bayaran Pakaian Istiadat sebanyak \$750.00 adalah diberi sekali dalam tempoh tiga (3) tahun kepada pegawai dalam Bahagian I yang dikehendaki memakai pakaian seragam istiadat; dan
- (b) pegawai yang telah diberi bayaran ini di bawah peraturan lama adalah dibenarkan menuntut bayaran untuk membuat pakaian istiadat yang baru apabila cukup 3 tahun.

2.2 Kebenaran menuntut Bayaran Pakaian Istiadat ini hendaklah disokong dengan resit.

3. TARIKH KUATKUASA

3.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1989.

4. PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, perenggan 27, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980 adalah dibatalkan.

5. AM

5.1 Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan peruntukan di dalam Pekeliling ini dan sekiranya terdapat sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

15 November, 1989.